

29/03/2001

Golongan profesional diingat tidak lupa masalah sosial

KUALA LUMPUR, Rabu - Kerajaan sentiasa bertekad meningkatkan ekonomi negara kerana tidak ingin menghasilkan masyarakat kelas bawahan, terpinggir dan miskin.

Menteri Kewangan Tun Daim Zainuddin berkata, perkara itu perlu dielakkan kerana ia mengundang bahaya kepada ekonomi dan kestabilan negara.

"Peristiwa Kampung Medan memberikan kita peringatan," katanya kepada kira-kira 200 ahli Dewan Profesional Muda Malaysia (Promuda) di Kuala Lumpur, malam ini.

Sehubungan itu, beliau mengingatkan golongan profesional muda tempatan dan pertengahan supaya tidak terlalu mengejar budaya dan cita rasa tinggi sehingga melupakan masalah sosial yang berlaku di sekeliling mereka.

Beliau berkata, bercita rasa tinggi tidak menjadi kesalahan dengan syarat majoriti masyarakat hidup dalam keadaan sempurna dan persekitaran yang selesa.

"Tugas penting sekarang adalah untuk memastikan golongan profesional supaya berminat dalam isu sosial dan bersemangat awam," katanya.

Beliau berkata, tugas penting sekarang adalah memastikan setiap rakyat Malaysia mempunyai masa depan.

Sehubungan itu, Daim mengingatkan golongan profesional muda berfikiran baru dan sama-sama menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi dan perpaduan nasional.

Daim menegaskan, persatuan seperti Promuda yang mewakili barisan pemimpin masa depan negara perlu mengadakan sesi perbincangan untuk membahaskan cabaran baru dalam ekonomi negara.

Golongan itu katanya, perlu rajin berfikir dan mencambahkan fikiran serta idea bagi memastikan negara ini maju dan pada masa sama, mengadakan perbincangan secara terbuka mengenai dasar negara.

"Ini lebih baik daripada melaung di jalanan," katanya.

Pada masa sama, Daim turut menyelar golongan itu yang malas berfikir mengenai isu negara dan menentang sesuatu dasar secara melulu.

"Ada juga yang malas berfikir. Mereka kata mereka sokong, tetapi tidak faham isu dan akhirnya mereka tentang dengan kasar dan melulu," katanya.

Selain itu, beliau berkata golongan profesional muda perlu berazam menjadi individu bertaraf dunia untuk menyuarakan pandangan Malaysia pada peringkat antarabangsa seperti Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Datuk Razali Ismail dan Datuk Kamil Jaafar.

Katanya, bagi memastikan kesejahteraan negara, rakyat Malaysia perlu menyuarakan pandangannya kepada dunia, mengeratkan perhubungan pada peringkat kerajaan, parlimen, diplomat, kumpulan berkepentingan dan pelobi.

(END)